

24 OCT 1999

Mahathir-Pembangkang

MAHATHIR SERU PEMBANGKANG GUGURKAN PERJUANGAN SIA-SIA MEREKA

KUALA LUMPUR, 24 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pemimpin dan parti-parti pembangkang perlu menggugurkan perjuangan sia-sia mereka kerana ia tidak akan mendatangkan apa-apa kebaikan kepada negara.

"Wahai penyokong dan pemimpin parti lawan, bukalah mata, telinga, dan hati kamu dan lihatlah dunia di sekeliling kamu.

"Lihatlah pembangunan yang telah diusahakan Barisan Nasional (BN) dan janganlah kamu melemparkan fitnah, berbohong dan menidakkan kejayaan BN," kata Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN dan Presiden Umno, ketika berucap pada majlis sambutan ulang tahun ke-25 BN di Stadium Nasional Bukit Jalil, di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata pakatan parti-parti pembangkang melalui apa yang dipanggil Barisan Alternatif, hanyalah merupakan satu cubaan untuk menipu sesama mereka sendiri.

Majlis sambutan turut dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku Pengerusi jawatankuasa induk sambutan dan kesemua pemimpin parti komponen BN.

Dr Mahathir berkata tidak seperti BN dan parti-parti komponennya yang ditubuhkan untuk membina nasib rakyat, parti-parti pembangkang berjuang dengan agenda masing-masing termasuk untuk membela nasib seorang pemimpin yang telah disingkirkan dari kerajaan dan UMNO.

"BN ditubuhkan untuk membela nasib seluruh rakyat Malaysia bukan untuk saya, bukan untuk Pak Lah, Dr Ling dan lain-lain," katanya.

Dr Mahathir berkata banyak penyokong parti pembangkang sudah sedar dan tidak lagi menyokong perjuangan pemimpin mereka yang mengutamakan dirinya semata-mata.

Katanya anggota UMNO berada dalam parti itu kerana percaya ia boleh membawa kebaikan kepada bangsa, agama dan negara dan begitu juga dengan 13 anggotanya yang lain.

Perdana Menteri berkata sememangnya sesebuah negara memerlukan kepada pemimpin yang mesti mengikut dasar perjuangan parti.

Katanya sokongan yang diberikan kepadanya sebagai presiden UMNO dan pengerusi BN ialah kerana beliau menyokong perjuangan BN dan parti-parti komponennya.

"Jika saya tentang UMNO dan BN dan kalau ada pemimpin lain tidak sokong lagi perjuangan parti mereka, tak perlu kita sokong pemimpin-pemimpin yang belot ini," katanya.

Menurut Dr Mahathir, perjuangan BN bukanlah satu perjuangan peribadi untuk membela nasib pemimpin sambil berkata sokongan kepadanya hanyalah untuk membolehkannya menjayakan perjuangan BN.

"Kalau saya berkelakuan buruk, membuat sesuatu perkara kotor yang ditegah agama dan undang-undang singkirlah saya,

"Saya tidak akan minta sokongan sesiapa kalau saya berbuat demikian," kata beliau.

Ucapan Dr Mahathir selama kira-kira satu jam setengah itu diiringi dengan sorakan dan tepukan penuh semangat para penyokong BN dan orang ramai yang membanjiri Stadium Nasional sejak awal lagi.

Perdana Menteri berkata sokongan yang diberikan secara membuta tuli tanpa mengambil kira baik buruknya seseorang pemimpin lahir daripada sikap taksub dan fanatik kepada pemimpin berkenaan.

Dr Mahathir mengingatkan rakyat bahawa semakin banyak pembohongan pihak

pembangking akan didengari khususnya menjelang pilihan raya akan datang.

Sekarangpun, tuduhan dilemparkan kononnya kerajaan negara ini zalim sehingga sanggup meracun seseorang dengan arsenik bertujuan membakar hati para penyokongnya untuk merusuh dan mengancam ketenteraman negara, katanya.

"Golongan yang melemparkan fitnah dan menanam kebencian kepada pemimpin dan kerajaan ini tidak mampu menawarkan khidmat yang baik kepada negara. Yang boleh mereka sumbangkan hanyalah fitnah," katanya.

Dr Mahathir juga berkata penggubalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) selepas peristiwa 13 Mei 1969 turut membolehkan negara menikmati kemajuan, kestabilan dan keamanan.

Menurutnya, beberapa tempat tertentu di Malaysia kini sudah mencapai tahap negara maju dan ini diakui sendiri oleh pelawat asing yang datang ke negara ini.

"Sepatutnya kita berpuas hati dengan pendapat dan pujian sebegini tetapi kita belum berasa puas hati kerana banyak lagi tempat di Malaysia belum mencapai tahap pembangunan negara maju.

"Hasrat BN ialah supaya seluruh negara mempunyai kemudahan setanding dengan yang terdapat di negara maju," katanya dan menambah boleh dikatakan tidak adapun negara yang mencapai kemerdekaan pada masa yang sama dengan Malaysia maju seperti negara ini.

Dr Mahathir berkata pembangunan yang dicapai negara berlaku kerana rakyat memilih kerajaan BN dengan memberi sokongan majoriti lebih dua pertiga yang menyukarkan ia ditumbangkan.

Perdana Menteri juga menyangkal dakwaan bahawa BN ingin mendapat majoriti lebih dua pertiga bagi memudahkannya meminda Perlembagaan Persekutuan.

"Ini tak benar. Kita tak selalu pinda Perlembagaan. Kita hanya pinda apabila perlu dan penting sahaja," katanya.

Dr Mahathir juga berkata pelaksanaan dasar dan segala perancangan hanya boleh dilaksanakan dengan terbentuknya sebuah kerajaan yang kuat.

Beliau mengakui tidak semua dasar kerajaan disukai 100 peratus oleh rakyat tetapi menjelaskan hasil pelaksanaan sesuatu dasar itu tidak datang dengan serta merta.

Dr Mahathir memberikan contoh DEB yang menerima kecaman hebat pada awalnya tetapi setelah beberapa lama pelaksanaan terbukti berjaya mengagihkan kekayaan secara saksama yang membawa ketenteraman kepada negara.

Ini terbukti dengan ketiadaan rusuhan kaum ketika negara dilanda kegawatan ekonomi bermula Julai 1997.

"Tetapi, di negara lain apabila ekonomi dan kekayaan tidak dibahagi secara saksama antara kaum, ia dilanda pelbagai rusuhan, pembunuhan dan keganasan," katanya lagi.

Dr Mahathir berkata negara menerima prinsip demokrasi sejak Merdeka lagi kerana percaya sistem itu merupakan cara pemerintahan terbaik.

Tetapi demokrasi mempunyai kelemahannya kerana rakyat mungkin membuat pilihan yang salah dengan menaikkan pemimpin dan kerajaan yang tidak berwibawa dan tidak mampu memerintah, katanya.

"Kita lihat di negara-negara lain bagaimana parti yang tidak cekap dipilih rakyat kerana rakyat salah nilai parti itu. Kadang-kadang rakyat boleh tertipu dengan orang tertentu melalui cerita tertentu," katanya.

Dr Mahathir berkata orang yang cekap melemparkan fitnah boleh mempengaruhi minda rakyat untuk membuat pilihan yang salah.

"Inilah kelemahan demokrasi. Kalau ada orang yang cekap guna fitnah, rakyat tertawan dengan fitnah dan membuat pilihan salah dan menaikkan kerajaan yang tidak cekap untuk menduduki kerusi lembik dan memenuhi poket dengan wang dan menyalahgunakan kuasa," kata beliau.

-- BERNAMA

TM FAZ